

MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH 9

40 TAHUN MAKTAB PERGURUAN PASIR PANJANG KUALA TERENGGANU (1958-1998)

MAJLIS PERASMIAN

(gimik bacaan Al-Quranul karim)

Sodaqallahul 'azim. Di antara intisari ayat yang telah dibaca oleh saudara Umar itu tadi, Allah s.w.t memberi pengajaran kepada seluruh manusia. Sebahagian manusia menjadi mangsa prasangka dengan tuduhan dan tohmahan liar yang tidak berasas kepada kebenaran. Kita hendaklah menyedari bahawa sebarang prasangka buruk adalah dilarang dalam Islam. Daya tanggapan adalah terbatas kerana maklumat dari pancaindera adalah terbatas. Oleh itu sebarang tanggapan yang tidak berasaskan kepada pengetahuan yang jelas hendaklah dijauhi. Akal yang dipandukan oleh ilmu adalah hakim yang memutuskan antara kebenaran dengan kebatilan. Oleh itu dalam mencari kebenaran kita dinasihatkan membuat pertimbangan melalui akal yang berasaskan kepada ilmu. Kita dilarang melakukan atau mengatakan sesuatu yang di dasarkan sangkaan. Tidak berasaskan kepada ilmu pengetahuan kerana prasangka adalah pembohongan semata-mata. Segala tindakan pancaindera yang telah diperlakukan oleh manusia dalam dunia ini akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah s.w.t. di Akhirat nanti. Sekian, assalamualaikum w.b.t.

(Pengerusi majlis)

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t.

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latif bin Awang, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sains Teknologi, Sumber Manusia dan Pengajian Tinggi Negeri Terengganu Darul Iman, Yang Berbahagia Datuk Habibah bt. Zul, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Yang Berbahagia Puan Hajah Rahani bt. Jamil, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara, Yang Berbahagia Tuan Haji Yahya bin Haji Mat Omar, Pengetua Maktab Perguruan Pasir Panjang Kuala Terengganu, Yang Berusaha Tuan Haji Rahib bin Rani, Pengarah Arkib Negara cawangan negeri Terengganu, Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Talib Husin, Timbalan Pengetua Maktab ini, Yang Berbahagia Dato' Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu, yang berusaha tuan-tuan pengetua, guru besar-guru besar sekolah negeri Terengganu, yang dihormati ketua-ketua jabatan kerajaan dan swasta, dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-

puan saudara saudari yang dihormati sekalian. Sesungguhnya pada pagi yang berbahagia ini marilah kita panjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinnya kita dapat berkumpul di Dewan Nadwah Maktab Perguruan Pasir Panjang ini untuk menyerikan majlis pengkisahan sejarah 40 tahun maktab ini. Usaha murni ini amat penting dan sekaligus memercikkan nostalgia di segenap sudut hati nurani semua warga maktab ini.

Yang berhormat dato', dato'-dato', tuan-tuan puan-puan yang dihormati sekalian, aturcara berikutnya ialah ucapan alu-aluan Yang Berbahagia Pengetua Maktab Perguruan Pasir Panjang. Dengan segala hormatnya dipersilakan.

(Ucapan alu-aluan daripada pengetua maktab)

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirabbil'alam. Wassolatuwassalamu'ala ashrafil ambiyai walmursalin wa'ala alih wasohibi ajmai'n. Robbishrohli sodri wayassirli amri wal lul 'uqdatammillisani yafqau qauli. Assalamualaikum w.b.t. dan selamat pagi.

Yang mulia saudara pengurus majlis, Yang Berhormat Dato' Dr Abdul Latif bin Awang, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Sains, Teknologi, Sumber Manusia dan Pengajian Tinggi Negeri Terengganu, Yang Berbahagia Datuk Habibah Zul, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Yang Berbahagia Puan Rahani bt. Abdul Jamil, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Azman Muda, Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga, merupakan pengurus panel pengkisah dan ahli-ahli pengkisah sejarah Maktab Perguruan Pasir Panjang, Yang Berusaha Tuan Haji Rahib bin Rani, Pengarah Arkib Negara Malaysia cabangan Terengganu dan Pahang, Yang Berusaha Tuan Haji Mokhtar Husin, Timbalan Pengetua Maktab Perguruan Pasir Panjang, dif-dif yang dihormati, ketua-ketua jabatan kerajaan dan swasta, pengetua-pengetua, guru-guru besar serta tuan-tuan dan puan-puan serta saudara saudari yang dihormati sekalian.

Pada pagi ini kita begitu bertuah sekali kerana dapat berkumpul di Dewan Nadwah yang begitu bermakna dan mempunyai berbagai-bagai sejarah pahit dan manis di sini. Dan pada pagi ini juga ianya merupakan rakaman pengkisahan berkenaan dengan Maktab Perguruan Pasir Panjang selama 40 tahun telah memain peranan yang begitu baik juga dan mempunyai kisah-kisah manis dan pahit. Dan rakaman pengkisahan ini sungguh brmakna sekali bagi warga Maktab Perguruan Pasir Panjang sama ada yang masih berkhidmat di sini ataupun yang telah berlalu. Kerana dengan berakhirnya tahun 1998 nanti, mungkin terhentinya khidmat Maktab Perguruan Pasir Panjang ini untuk mendidik bakal-bakal guru di Pasir Panjang ini kerana pada tahun hadapan

maktab ini akan berpindah ke kampus baru dengan wajah baru dan nama yang baru iaitu di Besut, Terengganu. Apabila rakaman detik peristiwa ini dirakamkan kembali, ianya amat penting sekali disusun dan digubah demi mengabadikan kenangan manis masa yang silam dan pihak maktab begitu berbangga sekali kerana kita masih ada lagi pengkisah-pengkisah yang pada masa wujudnya maktab ini pada tahun 50 an, 60 an, 70 an, 80 an dan 90 an. Dan pengkisah ini selain daripada menjadi bahan sejarah, ia juga dapat menyumbangkan asas ingin perubahan ke arah kegemilangan era yang akan datang.

Sebagaimana yang tuan-tuan puan-puan maklum, banyak sudah peranan yang dimainkan oleh Maktab Perguruan Pasir Panjang ini sama ada dari segi akademik, dari segi sosial dan dari segi partnership ataupun perkongsian ilmu dengan masyarakat setempat. Maktab ini juga telah memainkan peranan sebagai pendokong wawasan kerajaan ke arah pemantapan ilmu pendidikan yang bertaraf dunia. Sungguhpun maktab ini kecil, lebih kurang dalam 800 ekar, tetapi peranannya bagi kami warga maktab ini ~~berasa~~ yang amat besar sekali. Dan maktab ini juga wujud partnership ~~ataupun~~ perkongsian ilmu dengan masyarakat sekitar sama ada dengan JPN ~~PPD~~ ataupun pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama. Dan dengan partnership ini kita dapat berkongsi ilmu. Berkongsi ilmu apa yang ada di maktab ini untuk dikongsikan dengan masyarakat dan juga jabatan-jabatan di Terengganu dan juga negara ini.

Maktab ini juga telah memainkan peranan sebagai kolej komuniti ataupun dalam Bahasa Inggeris, ataupun di UK dan di US, kita panggil community college yang mana segala peralatan dan kemudahannya akan dikongsi bersama dengan masyarakat setempat. Dan kita ada juga kursus-kursus sama ada di masa cuti ataupun di waktu kullah berjalan. Apabila maktab ini berubah tempat, daripada Pasir Panjang ke Besut, Terengganu, ianya merupakan perubahan fizikal semata-mata. Namun fungsi dan cita-cita tetap didukung selari dengan misi maktab ini. Dan maktab ini juga telah memperhebatkan fokus profesionalisme keguruan melewati guru pelatih dan juga para pendidik guru di MPPP ini.

Akhir sekali, saya bagi pihak Maktab Perguruan Pasir Panjang suka mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada yang berbahagia dato' dan juga kepada pihak Arkib Negara Malaysia kerana dengan kesungguhan yang mendalam dapat menjayakan Majlis Pengkisahan Sejarah 40 Tahun Maktab Perguruan Pasir Panjang ini. Dan rakaman terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Pendidikan Guru yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan untuk meneruskan pengkisahan ini dan semua pihak yang turut menyumbangkan kepada kejayaan yang brsejarah ini. Sekian, saya sudah dengan wabillahitaufiq walhidayah. Wassalamualaikum w.b.t.

(Pengerusi majlis)

Ucapan alu-aluan Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Dengan hormatnya dipersilakan Yang Berbahagia Datuk Habibah bt. Zul.

(Ucapan daripada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia)

Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Dr Abdul Latif bin Awang, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sains, Teknologi, Sumber Manusia dan Pengajian Tinggi Negeri Terengganu, Yang Berbahagia Tuan Haji Yahya bin Haji Mat Omar, Pengetua Maktab Perguruan Pasir Panjang Kuala Terengganu, Puan Rahani Jamil, Pengarah Rekod dan Arkib, Arkib Negara Malaysia, Tuan Haji Abd Rahib Rani, Pengarah Arkib Negara cawangan Terengganu Pahang, Tuan Haji Mokhtarudin, Timbalan Pengetua Maktab Perguruan Pasir Panjang, pengerusi majlis pengkisahan, Yang Berhormat Dato' Haji Azman bin Muda, Pengarah Pembangunan Keluarga Terengganu, tokoh-tokoh pengkisah, Yang Mulia Engku Ubaidillah bin Ahmad, Yang Berbahagia Tuan Muhamad bin Abdullah, Yang Berbahagia En. Samsul Ambia' bin Muhamad dan Yang Berbahagia Encik Awang bin Idris, ketua-ketua jabatan pengetua-pengetua, tuan-tuan, puan-puan para hadirin sekalian. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya kita telah dapat bersama-sama berkumpul dalam majlis pada pagi ini. Kita agak bertuah pada pag ini Yang Berhormat Dato' Dr Abdul Latif bin Awang telah sudi hadir untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan majlis pada pagi ini. Ucapan terima kasih juga kepada pengerusi dan tokoh-tokoh pengkisah pada pagi ini yang telah sudi untuk mengkisahkan pengalaman dan merakamkan pelbagai peristiwa bersejarah yang tidak tertulis di mana-mana kecuali dalam lipatan kenangan masing-masing. Siri pengkisahan ini merupakan siri pengkisahan sejarah perguruan yang ke-3 anjuran Arkib Negara selepas diadakan siri-siri pengkisahan sejarah Maktab Perguruan Kabi dan Maktab Perguruan Sultan Idris Perak.

Sebagaimana kita ketahui, sejarah pendidikan guru terutama Maktab Perguruan Pasir Panjang tidak banyak didapati sedangkan peranan yang dimainkan dalam perkembangan pendidikan di negeri ini adalah besar sekali. Oleh itu pada hari ini kita akan dapat menimba sebanyak mungkin maklumat mengenai penubuhan dan kegiatan-kegiatan yang berlaku di maktab ini. Kemungkinan pula ada di antara tokoh-tokoh dan para hadirin sekalian yang mempunyai bahan-bahan mengenai maktab ini yang ingin menderma kepada Arkib Negara untuk simpanan sebagai warisan sejarah dan dijadikan bahan rujukan kepada

penyelidik-penyalidik di Arkib Negara. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan amatlah dialu-alukan.

Tuan-tuan, puan-puan sekalian,

Elok juga rasanya saya menyatakan di sini Arkib Negara Malaysia sejak ditubuhkan pada 1 Disember 1957, sehingga kini telah berjaya mengumpul dan memelihara rekod-rekod negara yang bernilai sejarah dan nilai kebangsaan bukan sahaja dari institusi dan jabatan kerajaan malahan dari orang-orang perseorangan yang dikenali ataupun dikumpulkan sebagai arkib persendirian. Peranan Arkib Negara bukan sahaja sekadar mengumpul dan memelihara bahan tersebut, tetapi ianya boleh luas dari itu, iaitu memberi kemudahan penyelidikan kepada para penyelidik dari dalam dan luar negeri. Dengan perkembangan teknologi maklumat yang sama-sama kita hadapi masa kini, telah menjurus ke arah pengurangan menghasilkan rekod-rekod konvensional iaitu yang berasaskan kertas, mikrofilem dan sebagainya. Perkembangan teknologi ini akan mewujudkan rekod-rekod bersejarah negara tidak lagi tercatat dalam kertas sebagaimana yang kita saksikan di panel pameran pada pagi ini iaitu di luar sana. Bahan-bahan tersebut sudah pasti terkandung di dalam disket-disket, CD-ROM dan sebagainya meskipun maklumnya masih utuh dan sahih tetapi kelahiran maklumat tersebut dalam pelbagai bentuk kertas tidak lagi dapat kita hayati ketulenan kertas di zamannya. Hakikat inilah juga diambil usaha oleh Arkib Negara kerana peranan Arkib Negara bukan sahaja bertanggungjawab menyimpan maklumat yang bernilai ke atas sesebuah negara, tetapi ianya juga mengekalkan keaslian bahan-bahan berkenaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita tidak dapat menghalang kemunculan kerajaan elektronik. Dengan ledakan rekod-rekod elektronik yang merupakan rekod utama yang dihasilkan di masa akan datang ini. Sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini, Arkib Negara kini sedang berusaha dan bersedia menghadapi situasi ini untuk memastikan bahan-bahan tersebut juga diperolehi dan dipelihara dengan sewajarnya berasaskan program pelaksanaan yang sedang dirancang. Sebelum segala urusan rasmi seluruh jabatan atau agensi kerajaan bertukar corak sepenuhnya dihasilkan dalam bentuk rekod-rekod elektronik, maklumat-maklumat yang bernilai sejarah dan kebangsaan dalam bentuk kertas pada masa ini perlulah diperolehi dan dipelihara.

Saya dimaklumkan bahawa kursus perguruan maktab ini akan berpindah ke Maktab Perguruan Bukit Keluang di Besut pada awal tahun 1999. Maka sudah sewajarnyalah pengisian ini harus dibuat untuk memastikan maklumat

warisan sejarah dari mereka yang pernah menghuni dan menabur bakti di maktab ini didokumentasikan sebagai bahan kajian dan panduan pendidikan perguruan kepada generasi akan datang. Jesteru itu, saya juga meminta jasa baik pihak pengurusan maktab ini untuk menyerahkan mana-mana bahan bernilai sama ada dalam bentuk fail, gambar, terbitan dan sebagainya kepada Arkib Negara untuk dipelihara seterusnya digunakan sebagai bahan rujukan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sepanjang tempoh hampir 40 tahun maktab ini beroperasi dari tahun 1958 hingga 1998, ianya telah melahirkan ribuan guru terlatih dalam beberapa bidang pendidikan perguruan. Kehadiran mereka di waktu negara memerlukan tenaga pengajar telah dapat memberikan sumbangan yang amat besar terhadap sejarah pendidikan negara. Pada pagi ini kita akan sama-sama mendengar pengkisahan sejarah Maktab Perguruan Pasir Panjang daripada bekas penuntut-penuntut dan pengetuanya. Mereka akan menceritakan tentang pelbagai aspek dari segi perasaan, pengalaman-pengalaman sewaktu berkursus dan semasa menghadapi latihan mengajar di sekolah-sekolah, pandangan dan penglihatan mereka dalam kehidupan masyarakat. Saya percaya maklumat seperti ini masih belum lagi tercatat di mana-mana sumber dokumentasi rasmi. Sewajarnyalah ia didokumentasikan sementara para pengkisahnya masih ada.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr Abdul Latif Awang yang sudi merasmikan majlis ini. Kepada pengurus dan tokoh-tokoh pengkisah dan semua pihak yang telah membantu menjayakan majlis pada kali ini. Semoga segala maklumat yang dirakam ini akan berguna sebagai bahan rujukan pada penyelidik-penyelidik yang akan datang ke Arkib Negara. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufiq walhidayah wassalamua'laikum w.b.t.

(Pengerusi majlis)

Hadirin hadirat yang dihormati, berikut adalah ucapan perasmian Majlis Pengkisahan Sejarah 40 Tahun Maktab Perguruan Pasir Panjang. Dengan penuh hormatnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr Abdul Latif bin Awang, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sains, Teknologi, Sumber Manusia dan Pengajian Tinggi Negeri Terengganu Darul Iman. Dengan segala hormatnya dipersilakan.